

BAB 1 PENGENALAN KEPADA EKONOMI (A)

1. Apakah yang dimaksudkan dengan ilmu ekonomi?
 - A Menjalankan projek pembangunan untuk kebajikan rakyat
 - B Mengimbangi tingkat keuntungan dengan kos pengeluaran
 - C Menggunakan wang bagi meningkatkan tabungan
 - D Mengagihkan sumber ekonomi yang terhad untuk memenuhi kehendak manusia yang tidak terhad
2. Apakah yang dikaji dalam ekonomi?
 - A Mengimbangi tingkat keuntungan dengan kos pengeluaran
 - B Menggunakan faktor pengeluaran yang terhad bagi memenuhi kehendak yang tidak terhad
 - C Menjalankan projek pembangunan untuk kebajikan rakyat
 - D Menyelesaikan masalah kehendak dan keperluan manusia dalam kehidupan
3. Mengapakah masih wujud masalah kekurangan walaupun kerajaan melaksanakan pelbagai dasar ekonomi dari semasa ke semasa?
 - A Berlakunya bencana alam
 - B Wujudnya ketidakseimbangan pembangunan bandar dan desa
 - C Terdapat ketidakseimbangan antara kehendak masyarakat dengan sumber ekonomi
 - D Terdapat jurang perbezaan antara golongan kaya dan golongan miskin
4. Puan Siti Nasyitah ialah seorang guru. Namun demikian, beliau masih menghadapi masalah kekurangan kerana
 - A beliau sering membeli barang yang mahal
 - B beliau terlalu mementingkan kualiti barang yang dibeli
 - C kehendaknya tidak terhad berbanding pendapatan yang dimiliki adalah terhad
 - D beliau suka meminjam wang di bank perdagangan
5. Pasangan manakah yang **benar** tentang sumber ekonomi?

	Sumber Ekonomi	Keterangan
A	Modal	Input produktif yang dicipta oleh manusia yang membantu dalam proses pengeluaran
B	Tanah	Sumber semula jadi yang mempunyai penawaran tidak terhad
C	Buruh	Individu yang melakukan inovasi
D	Usahawan	Individu yang membenarkan orang lain menguruskan untungnya

6. Antara yang berikut, pilih pernyataan yang **tepat** menggambarkan masalah kekurangan dalam ekonomi.
 - A Puan Anis membeli baju kesukaan anaknya setelah menerima BR1M sebanyak RM300
 - B Kerajaan berhasrat menyediakan semua kemudahan awam dengan hasil yang diperoleh
 - C Cik Diyana dapat membeli semua barang dapur dengan pendapatan bulanannya

